



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

18 Disember 2020
3 Jamadilawal 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	•
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Jabatan Perikanan ambil tindakan kegiatan kutip anak kerang
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysia Dateline	•
Bernama	•
See Hua Daily News (Kuching)	•
Guan Ming Daily	•
The Borneo Post	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	18/12/2020

Jabatan Perikanan ambil tindakan kegiatan kutip anak kerang

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR || 17 Disember 2020



Laporan Sinar Harian mengenai kegiatan pencerobohan kawasan pembenihan kerang di Sekinchan.

SABAK BERNAM - Jabatan Perikanan Selangor mengakui ada menerima aduan berkaitan pengutipan anak kerang semula jadi tanpa kebenaran di pesisir pantai Sungai Leman, Sekinchan dan Sungai Nipah.

Pengarahnya, Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, pihaknya akan meminta kerjasama daripada agensi penguat kuasa lain seperti Pasukan Polis Marin dan Pasukan Gerakan Am (PGA) serta polis untuk membanteras kegiatan terbabit

Menurutnya, pemantauan pihaknya mendapati aktiviti mengutip anak kerang secara semula jadi sekarang adalah berukuran kurang daripada empat milimeter (mm) iaitu sama seperti saiz garam halus.

"Syarat membuka lesen mengutip benih kerang adalah selepas persampelan dijalankan di kawasan kenaikan benih oleh Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam.

"Kerang yang boleh dinaikkan setelah mencapai saiz 4mm sehingga 25mm dengan jumlah 500 biji ke atas bagi setiap lokasi persampelan di kawasan yang dilaporkan berlaku kewujudan benih kerang," katanya.

Tegas beliau, pihaknya akan terus memantau keadaan ini dengan lebih kerap bagi memastikan benih kerang semula jadi ini dikutip secara sewajarnya, mampan dan untuk manfaat penternak setempat.

"Mengikut senario sebelum ini dari 2008 sehingga 2019, kenaikan benih kerang di kawasan Sungai Lemau dalam kuantiti yang amat sedikit dan tidak dapat membuka lesen.

"Bagaimanapun pada tahun ini, didapati benih kerang telah naik dalam kuantiti yang banyak," katanya.

Justeru, tegasnya, mana-mana individu melakukan kesalahan itu mereka boleh diambil tindakan mengikut Peraturan 3, Larangan Mengambil Apa-Apa Anak Kerang di bawah Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemuliharaan dan Kultur Kerang) 2002.

"Mana-mana individu yang ditangkap dan didapati bersalah mengambil anak kerang daripada kawasan semula jadi atau tapak kultur boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Terdahulu, Sinar Harian melaporkan Jabatan Perikanan digesa menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera terhadap puluhan bot nelayan menceroob kawasan pembenihan kerang yang dilakukan secara haram di sekitar kawasan pesisir pantai Sungai Lemau di sini sejak dua minggu lalu.

Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunus berkata, beliau yang turut meninjau kawasan pesisir pantai itu menerima banyak rungutan daripada nelayan yang mendakwa kebanyakan bot tidak dikenali menggunakan peralatan tangkapan moden di kawasan pembenihan kerang.

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/115208/EDISI/Jabatan-Perikanan-ambil-tindakan-kegiatan-kutip-anak-kerang>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan KarangKraf